

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 11/6/2010

Mungkin mula diperkenalkan secara berfasa sebelum RMK-10 tamat

Pendidikan seawal usia 5 tahun

KUALA LUMPUR 10 Jun - Kerajaan komited memperkenalkan sistem pendidikan formal seawal usia lima tahun pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) kerana ia bakal memberi implikasi besar dalam sistem pendidikan negara.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bagaimanapun berkata, sebelum rancangan itu terlaksana, kerajaan perlu membuat beberapa persiapan iaitu menyediakan lebih ramai guru terlatih serta menambah bilangan sekolah.

Beliau berkata, langkah itu penting kerana berdasarkan jangkaan kementerian, sekiranya sistem itu mula dilaksanakan secara keseluruhan jumlah murid yang akan memasuki sekolah tahun satu akan bertambah tiga kali ganda iaitu daripada 500,000 kepada 1.5 juta.

"Secara prinsipnya tidak ada masalah. Bagaimanapun kita perlu ada kapasiti iaitu sekolah dan guru perlu mencukupi dalam usaha kita menampung pertumbuhan penuntut. Soal persiapan amat penting sebelum sistem ini mula dilaksanakan.

"Namun begitu seperti mana yang disebut oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mungkin sistem persekolahan formal seawal lima tahun itu akan mula diperkenalkan secara berfasa iaitu sebelum RMK-10 tamat," katanya kepada pemberita selepas pembentangan RMK-10 oleh Perdana Menteri di Dewan Rakyat hari ini.

Dalam pembentangan tersebut antara perkara yang banyak disentuh oleh Najib ialah sektor pendidikan dan antaranya ialah komitmen kerajaan meneruskan program Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) serta memperkenalkan program Sekolah Amanah atau *Trust Schools*.

Mengenai rancangan sistem pendidikan formal seawal usia lima tahun Perdana Menteri berkata, langkah untuk mengurangkan umur persekolahan formal daripada enam tahun kepada lima tahun pada akhir tempoh rancangan tertakluk

UM-11/06/2010
Sekiranya sistem itu mula dilaksanakan secara keseluruhan jumlah murid yang akan memasuki sekolah tahun satu akan bertambah tiga kali ganda iaitu daripada 500,000 kepada 1.5 juta

- MUHYIDDIN YASSIN
Timbalan Perdana Menteri

pada kemampuan kerajaan.

Dalam perkembangan sama, Muhyiddin berkata, hasrat untuk mengurangkan tahun masuk ke pendidikan formal telah lama dibincangkan.

"Sebenarnya kebanyakan negara-negara lain telah melaksanakan sistem pendidikan formal seawal lima tahun dulu. Kita lihat sistem ini lebih memantapkan pelajar selain memberi kesan dari segi bekalan modal insan," katanya.

Mengenai pelaksanaan sistem Sekolah Amanah, Muhyiddin berkata, ia merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat yang boleh dimainkan oleh pihak swasta dalam meningkatkan prestasi sekolah.

"Konsep ini seperti sekolah angkat. Sesiapa yang berminat untuk membantu sekolah berkenaan boleh berbuat demikian. Saya harap ia dapat dimulakan akhir tahun ini.

"Kita sebenarnya telah memulakan perbincangan dengan pihak Khazanah Nasional (Khazanah). Kita bercadang untuk melibatkan 10 sekolah iaitu lima sekolah yang agak rendah dari segi pencapaian, tiga sederhana dan dua sekolah berprestasi tinggi," katanya.



NAJIB Tun Razak dengan disaksikan Muhyiddin Yassin menunjukkan fail pembentangan Rancangan Malaysia Ke-10 sebelum memasuki Dewan Rakyat, semalam.